

Latihan

Betulkan kesalahan kata dan frasa yang terdapat dalam petikan.



Hindarkan Buli

Tatabahasa



Cara untuk Menghindari Pembuli

- ✓ Jauhkan diri dari pembuli.
- ✓ Elakkan bersendirian.
- ✓ Sentiasa berada **di dalam** kumpulan.



Tindakan Anda jika Dibuli

- ✓ Tolong jangan gentar.
- ✓ Ambil peduli dan segeralah bertindak.
- ✓ Laporkan kegiatan buli ke pihak sekolah.

Ayuh, kita bersama menangani akan gejala disiplin murid!

Isu buli dalam kalangan murid tidak seharusnya dipandang remeh kerana perlakuan ganas ini boleh mengancam keselamatan murid. Sewajarnya, masalah ini ditangani segera **disebabkan** kesannya **pada** murid amat membimbangkan. Mangsa buli akan menderita kerana didera bukan sahaja **daripada** segi fizikal **namun** mental dan emosi. **Oleh kerana** itu, program kesedaran wajar dilaksanakan di sekolah **demi untuk** mengatasi masalah ini. **Di dalam** program seperti ini, murid perlu diberi pendedahan tentang keburukan dan bahaya buli.

Gejala buli perlu ditangani secara serius oleh semua pihak termasuklah **para** murid-murid, **guru-guru**, ibu bapa dan **anggota-anggota** masyarakat yang lain. Janganlah **meletakkan semata-mata** harapan kepada pihak sekolah sahaja untuk menyelesaikan masalah ini. Semua pihak perlulah **saling bantu-membantu** dalam usaha **membenters** gejala yang boleh menimbulkan gangguan ketenteraman dalam masyarakat kita.



Dapatkan maklumat tentang Program 3K yang dilaksanakan di sekolah anda.

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1.	disebabkan	
2.	pada	
3.	daripada	
4.	namun	tetapi juga
5.	Oleh kerana	
6.	demi untuk	

7.	Di dalam	
8.	para murid-murid, guru-guru	para murid, guru
9.	anggota-anggota	
10.	meletakkan semata-mata harapan	
11.	saling bantu-membantu	
12.	membenteras	